#KitaJagaKita

# Keratan Akhbar: Anak Kehilangan Ibu Bapa Akibat Wabak Perlu Sokongan Berterusan

BH Khamis, 19 Ogos 2021 Komentar 11

# Anak kehilangan ibu bapa akibat wabak perlu sokongan berterusan

Oleh Dr Rozanizam Zakaria
bhrencana@bh.com.my



Pakar Psikiatri, Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan

**Setiap** kes kematian akibat COVID-19 tentu membabitkan kehilangan nyawa seorang ayah, ibu, anak dan adik-beradik dalam satu keluarga. Antara kesan langsung perlu diberi perhatian ialah implikasi kepada mereka ditinggalkan, terutama anak ditinggalkan tanpa sokongan.

Secara global, dari Mac 2020 hingga April lalu, dianggarkan 1.1 juta kanak-kanak kehilangan ibu atau bapa akibat kematian berkait COVID-19. Majoritinya, hilang bapa yang juga tempat pergantungan utama keluarga.

Di negara ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dilaporkan mengenal pasti 33 kanak-kanak di seluruh negara menjadi yatim piatu selepas ibu bapa meninggal dunia akibat COVID-19.

Walaupun bilangannya kecil, ia cukup mengingatkan kita terhadap tanggungjawab bersama untuk membantu masa depan 33 kanak-kanak ini. Harus diingat, ini tidak termasuk kanak-kanak terkesan akibat kehilangan seorang daripada ibu bapa.

Kehilangan tempat bergantung akibat COVID-19 bukan sekadar memberi kesan dari aspek sumber tempat bergantung dari segi kewangan. Namun, impak lebih besar adalah kepada perkembangan anak-anak ini.

Kehilangan tempat bergantung, terutama dalam cara traumatik seperti akibat penyakit, boleh mengganggu proses perkembangan anak dari aspek fizikal, kognitif, emosi dan sosial.

Kesan kehilangan ini boleh menyebabkan trauma emosi, seterusnya memberi kesan kesihatan mental. Antara kesan psikologi, mereka berisiko mengalami gangguan psikologi pasca trauma, tekanan kronik, kemurungan dan keresahan melampau.

Sekiranya berlaku, ia akan memberi kesan kepada perkembangan dan kemampuan mereka meneruskan hidup seharian.

Kajian terdahulu dalam kalangan kelompok kanak-kanak diabaikan akibat kehilangan ibu atau bapa secara mengejut mempunyai risiko tinggi terbabit dengan masalah sosial, kemiskinan dan menjadi mangsa keganasan serta eksploitasi.

Dari aspek psikologi, antara perkara asas diperlukan anak ini termasuk tempat selamat untuk berlindung. Mereka juga perlu diberi maklumat tepat mengenai apa berlaku bagi menyediakan mereka secara emosi.

Kaunseling dan bantuan asas psikologi boleh ditawarkan kepada mereka didapati terkesan. Antara contoh tanda-tanda awal ialah perubahan tingkah laku dan emosi, gangguan tidur serta selera makan, rasa putus asa atau keinginan mencederakan diri.

Sokongan psikososial dan ekonomi kepada golongan ini penting. Penekanan perlu diberikan dari aspek mengenal pasti golongan sasar, menilai impak langsung dan tidak langsung kepada mereka, menyediakan perlindungan lestari serta menyelaraskan bantuan dan sokongan masyarakat.

Oleh itu, pihak berwajib melalui kementerian dan agensi relevan perlu mengambil langkah proaktif dengan mengenal pasti golongan terkesan ini secara aktif dan mewujudkan data mudah diakses yang boleh dilakukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM).

Agensi ini perlu melaksanakan penilaian keperluan dari aspek fizikal, sosial dan mental anak-anak ini supaya bantuan serta sokongan dapat diberikan secara bersasar. Penilaian ini termasuk dalam aspek penentuan siapakah paling layak menjaga mereka, adakah mereka selamat dan terlindung dengan penjaga baharu.

Biarpun secara lazimnya, ahli keluarga terdekat akan mengambil alih tugas menjaga anak-anak ini, perlu ada mekanisme penilaian bagi memastikan keluarga menerima mereka ini benar-benar bersedia dari aspek kewangan, tempat tinggal dan kemampuan menyediakan persekitaran selamat.

Urusan undang-undang membabitkan isu hak penjagaan juga harus diberi perhatian agar tidak mengheret anak-anak ini ke dalam masalah baharu.

Penilaian juga mestilah berlaku secara berkala, bukan bersifat sekali sahaja. Contohnya, penilaian dibuat setiap tiga bulan bagi melihat perkembangan emosi dan psikologi mereka dalam suasana baharu.

Perkembangan di sekolah juga boleh membantu bagi melihat transisi mereka dalam suasana baharu ini.

Pihak berkenaan juga perlu membantu anak-anak ini dalam urusan hal pewarisan harta dan pampasan agar mereka tidak dianiaya. Tanpa perlindungan baik, mereka terdedah kepada risiko dimanipulasi pihak tidak bertanggungjawab.

Disebabkan beban amanah ini agak besar, kerjasama bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan untuk membantu anak-anak ini juga dilakukan supaya beban ini tidak terhad pada agensi kerajaan semata-mata.

# Politik Machiavelli rosakkan imej Parlimen

Oleh Dr Ilyas Abdullah
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Sains Politik, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Raub

**Bagi** ahli politik berpegang prinsip 'matlamat menghalalkan cara' dipelopori Niccolo Machiavelli, tiada salahnya bagi mana-mana ahli Parlimen melompat ke parti lain. Perkara itu juga dijamin dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan membenarkan kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan.

Hakikatnya, Perlembagaan dibentuk seawal negara mencapai kemerdekaan tidak mewujudkan akta antilompat parti dalam kalangan ahli Dewan Rakyat. Bahkan tindakan itu dijadikan asas lanjut bahawa demokrasi sebenarnya mengizinkan anggota parlimen untuk berbuat demikian.

Bagaimanapun, sekiranya Parlimen ingin bergerak menjadi badan perundangan kelas pertama, tindakan melompat parti tidak patut dijadikan amalan ahli Dewan Rakyat.

Selepas dipilih rakyat dalam pilihan raya, tindakan melompat parti jelas membelakangkan amanah diberikan pengundi. Tindakan itu boleh dianggap pengkhianatan terhadap demokrasi seterusnya merosakkan imej Parlimen itu sendiri.

Suara rakyat diterjemahkan dalam bentuk undi bagi mewakili hasrat dan aspirasi bukanlah suatu komoditi boleh ditawar dan dijual beli kepada pembida tertinggi semata-mata mahu menjatuhkan mana-mana kerajaan dipilih rakyat secara demokrasi.

Meskipun akta antilompat parti memang tiada, setiap ahli Dewan Rakyat harus faham prinsip mereka apabila menyertai perjuangan dalam satu-satu politik sehingga mereka layak dicalonkan untuk mewakili parti dalam pilihan raya.

Hanya ahli Parlimen yang mementingkan diri sahaja yang sanggup menggadai prinsip perjuangan. Demokrasi akan menjadi seumpama pasaran bebas tempat ahli politik berniaga, membeli dan menjual suara rakyat.

Inilah punca kepada segala kekalutan politik yang berlaku di negara kita pada hari ini.

Tindakan untuk menjatuhkan kerajaan sah pernah berlaku pasca-Pilihan Raya Umum (PRU) pada 2008 apabila Barisan Nasional (BN) menang tanpa mendapat majoriti dua pertiga.

Ketika itu pemimpin pembangkang berusaha menubuhkan kerajaan pada 16 September 2008 dengan cuba memancing 30 Ahli Parlimen BN, tetapi usaha itu menemui kegagalan.



Tidak berhenti setakat itu, kerajaan PH yang menang dalam PRU-14 turut melakukan hal sama. Tindakan menarik ahli Parlimen berlaku bagi mengukuhkan kedudukan kerajaan.

Hasilnya Ahli Parlimen UMNO keluar meninggalkan parti itu. Bagaimanapun, tindakan berkenaan umpama senjata makan tuan apabila ahli Parlimen terbabit keluar meninggalkan kerajaan hingga menatijahkan keruntuhan kerajaan dan terbentuknya kerajaan baharu Perikatan Nasional (PN).

Kini kerajaan PN juga runtuh. Hal ini menjadikan tiada suatu parti pun mempunyai majoriti kukuh untuk membentuk kerajaan. Justeru, terdapat cadangan supaya ditubuhkan kerajaan bipartisan merangkumi kerjasama ahli Parlimen merentas parti.

Bagaimanapun, kerjasama ini harus mempunyai dokumen jelas. Semua ahli Parlimen tidak boleh sewenang-wenangnya menamatkan perjanjian atau kerjasama dicapai. Ini kerana penarikan keluar sebahagian ahli Parlimen akan meruntuhkan pula kerajaan baharu.

Pendekatan ini boleh memberi jaminan dan manfaat kepada rakyat dalam mendepani krisis pandemik COVID-19.

Pembangkang dan kerajaan harus bekerjasama erat dengan melontarkan idea melalui perbahasan berkualiti di Parlimen.

Dengan cara ini, rakyat boleh menilai kredibiliti dan wibawa kedua-dua pihak dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Mereka berisiko mengalami gangguan psikologi pasca trauma,tekanan kronik,kemurungan dan keresahan melampau – Dr Rozanizam Zakaria, Berita Harian, 19 Ogos 2021

## Terkini

Iklan lucah menyumbang kebejatan akhlak, penganiayaan seksual

**20/09/2021**






dan garis panduan yang lengkap untuk menguasai dan menangani masalah yang berkaitan.

Isu yang akan kami sentuh di dalam modul ini termasuklah tentang pengurusan nafsu dan konsep malu dalam Islam. Seterusnya dikongsikan tentang perkembangan diri remaja semasa akil baligh supaya para remaja memahami perubahan yang berlaku dari segi rohani dan jasmani, juga perubahan tanggungjawab yang dipikul secara kendiri.

konsep-konsep secara baik.

Isu-isu sebegini yang semakin hari semakin menjadi perbualan orang ramai perlu dikupas dengan lebih dalam supaya segala kekeliruan dapat dileraikan dan ancamannya dapat dineutralisasikan.

Semoga modul yang dihasilkan secara menyeluruh dengan mengambil kira aspek perubatan dan agama ini mampu memberikan pencerahan dan penyelesaian kepada semua pihak.

Sebagai individu Muslim, kita harus meyakini konsep terbaik adalah "La Taqrabuzzina" (jangan hampiri zina) yang mendidik generasi Muslim sejak kecil dan menangkani bukan hanya biologi tetapi akidah, akhlak dan ibadah.

Walaupun telah banyak modul Pendidikan Seksual Komprehensif (CSE) yang diketengahkan oleh Barat, namun tidak semua konsep CSE bertepatan dengan sosiobudaya dan adab ketimuran di negara kita. Contohnya, konsep CSE Barat menghalang persetubuhan namun tidak menekankan elemen ikhtilat (pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan), aurat malu dan batas aurat, serta tidak melarang perkara-perkara

dengan kondom atau alat pencegah kehamilan yang lain. Oleh kerana itu, modul I-Medik dengan kerjasama WAFIQ ini merupakan satu usaha bagi memperkenalkan Pendidikan Seksualiti yang lebih holistik dan sesuai dengan lokaliti adat ketimuran masyarakat Malaysia serta Islam sebagai agama persekutuan.

di negara kita. Saban hari, permasalahan kecelaruan gender, jenayah seksual dan seumpamanya mencetus banyak polemik masyarakat. Dengan kedudukan mereka sebagai golongan rentan, seringkali anak-anak, para remaja dan golongan OKU menjadi mangsa penganiayaan, sama ada secara sedar atau tidak.

I-Medik melihat keperluan untuk mengisi kelompongan ini. Kita mensasarkan suatu sistem pendidikan seksualiti yang komprehensif dan didasari nilai ketimuran, serta nilai yang berpaksikan institusi keluarga dan disulami kehidupan beragama.

Bermula dengan kempen "Say No to Zina" yang telah dilaksanakan semenjak 2009 di seluruh negara, I-Medik dengan kerjasama WAFIQ mengorak selangkah lagi, dengan niat untuk menyediakan sebuah modul alternatif yang lebih sesuai dengan masyarakat Malaysia.

Besar impian kami agar semua dapat

mengambil manfaat dari usaha ini.

I-Medik

Pertubuhan Ikatan Pengamal Perubatan & Kesihatan Muslim Malaysia

PPM-049-10-29122013

## Pautan Pantas

Utama

Kenali

Aktiviti

Hubungi

Covid-19

Pendidikan Seksualiti

Dasar Vaksinasi Negara

Sumbangan

## Hubungi Kami

C15-2B, Jalan TKS 2, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang

+6019 6242 906

imedikpusat@gmail.com

Copyright © 2021 I-Medik

⚡ oleh Rekasawang